

KUALA LANGAT / SEPANG

Ikan buntal bawa buah

MORIB - Ikan buntal seberat 345 gram membawa buah kepada seorang nelayan apabila muncul juara pertandingan memancing anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Morib dan Tali Air, semalam.

Bull Butut membawa pulang hadiah utama wang tunai RM500, menewaskan seorang lagi peserta, Hatta Nasir yang turut menaikkan ikan buntal seberat 225 gram dan menerima tunai RM300.

Sementara itu, Saiful Nizam sekadar berpuas hati di tempat ketiga apabila menaikkan ikan buntal seberat 195 gram untuk meraih RM200.

Pengerusi JKKK Morib dan Tali Air, Mohmed Hamdani Mohmed Sirat berkata, program ini merupakan antara acara yang disediakan JKKK pada setiap hujung tahun bagi mengerat silaturahim sesama penduduk.

Menurutnya, beliau tidak sangka kebanyakan peserta membawa naik ikan buntal dan setiap peserta berusaha mendapatkan ikan lain.

“Bagaimanapun, rezeki masih berpihak kepada pemenang yang membawa naik ikan buntal sahaja.

“Tapi keadaan itu tak jadi masalah sebab aktiviti ini hanya untuk suka-suka supaya penduduk kampung gembira,

katanya yang turut menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Setiausaha JKKK Morib dan Tali Air, Khairull Nizam Dahlan berkata, selain memancing, antara acara yang turut dipertandingkan ialah sepak takraw dan street soccer yang mencatat penyertaan paling ramai iaitu 123 peserta.

“Matlamat JKKK untuk menyatukan penduduk kampung berlainan ideologi politik dan agama dilihat berjaya dan masing-masing gembira termasuk masyarakat Orang Asli.

“Saya harap aktiviti ini menjadi budaya penduduk setempat,” katanya.



Pengerusi Rukun Tetangga Morib, Md Senat Sukaron (kiri) menyampaikan hadiah kepada pemenang di Morib, semalam.

Tiga kampung berisiko banjir dipantau

BUKIT CHANGGANG

- Pejabat Kemajuan Orang Asli Daerah Kuala Langat masih memantau beberapa perkampungan Orang Asli di daerah itu yang berisiko dilanda banjir.

Pegawainya, Jantan Awang berkata, selain Perkampungan Orang Asli Paya Rumpun, dua penempatan berhampiran iaitu di Kampung Orang Asli (KOA) Bukit Tadom dan KOA Bukit Serdang diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga.

Menurutnya, sebanyak 17 keluarga dari KOA Paya Rumpun yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Dewan Perpaduan Bukit Changgang sehingga Khamis lalu, telah dibenarkan pulang ekoran air telah surut.

"Tapi kita masih pantau sebab hujan masih berterusan hampir setiap hari sehingga hari ini (semalam).

"Kita bimbang jika keadaan air masih lagi belum surut seperti yang berlaku sebelum ini, penduduk terpaksa berkampung di pusat pemindahan semula," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Jantan berkata, sebelum ini, pelbagai pihak menjangkakan banjir di kawasan



“ Kita bimbang jika keadaan air masih lagi belum surut seperti yang berlaku sebelum ini, penduduk terpaksa berkampung di pusat pemindahan semula.”

- Jantan

itu boleh mencecah sehingga sebulan sebab tradisi air melimpah di kawasan sungai berhampiran pada setiap tahun namun bersyukur kali ini ia surut dengan cepat.

Katanya, apa yang penting, anak-anak dapat bersekolah seperti biasa dan ibu bapa boleh menyiapkan kelengkapan sekolah sebelum menjelang persekolahan tidak lama lagi.

"Kami juga telah memperuntukkan sepasang pakaian sekolah kepada murid tahun satu dan tingkatan satu bagi memberi semangat kepada anak-anak meneruskan pendidikan.

"Apa yang penting bantuan itu bukan sahaja disalurkan kepada mangsa banjir tetapi kepada semua masyarakat Orang Asli yang layak," katanya.

Sinar Harian 18 Disember lalu melaporkan pelbagai agensi penyelamat terlibat memindahkan 49 mangsa banjir dari Kampung Orang Asli Paya Rumpun, Bukit Changgang kira-kira jam 12 tengah malam selepas air naik mencecah paras pinggang.

Bantuan persekolahan beri semangat

Program Back To School ringan beban ibu bapa kurang kemampuan, anak-anak yatim

BANTING - Setiap kali sesi persekolahan baharu bermula ada segelintir ibu bapa yang resah memikirkan keperluan menyediakan kelengkapan selesa untuk anak-anak kembali semula ke sekolah.

Bagi pelajar itu sendiri, mereka pasti mahukan sekurang-kurangnya satu persalinan uniform baharu sebagai pendorong memulakan sesi persekolahan.

Namun, tidak semua ibu bapa atau penjaga mampu berbuat demikian.

Ada sesetengahnya terpaksa menggunakan pakaian lama biarpun sudah lusuh kerana kekangan kewangan.

"Pemberian sumbangan pakaian seragam sekolah bersama beg sudah pasti memberi semangat kepada anak-anak

untuk menuntut ilmu di sekolah," kata Datuk Sulaiman Karli.

Pengerusi Majlis Pembangunan Parlimen Kuala Langat itu berkata, program 'Back To School' dapat membantu ibu bapa kurang berkemampuan dan anak yatim membeli baju seragam baru.

Beliau berkata, peranan ibu bapa dalam menunaikan tanggungjawab menyediakan segala kelengkapan anak kini sudah meningkat namun masih ada yang tidak berkemampuan lantaran kesempitan hidup.

"Kita juga menyedari hakikat bantuan untuk pelajar terpilih di Parlimen Kuala Langat adalah satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan istiqamah," katanya.

Beliau berkata demikian



Sulaiman (dua, kanan) menyampaikan bantuan persekolahan kepada anak-anak sekitar Kuala Langat yang terpilih pada Program Back To School 2015.

ketika mengiringi anak-anak yatim dan golongan kurang mampu membeli pakaian seragam dan beg sekolah di sebuah pasar raya di sini.

Kegembiraan jelas terpancar pada wajah kanak-kanak tersebut yang diberi bawcar bernilai RM70 setiap seorang.

Sulaiman mengakui walaupun pelbagai bantuan dan peruntukan telah disalurkan kepada golongan berpendapatan rendah, namun ada ibu bapa

masih mahu membelikan barangan sekolah hasil titik peluh mereka.

"Ada yang sanggup ikat perut beli baju anak semata-mata tak nak tengok anak sedih bila ke sekolah pada hari pertama," katanya.

Sulaiman turut berpesan kepada ibu bapa supaya menghantar anak untuk mendapat pendidikan awal di tadika supaya mereka tidak terkejut dengan alam persekolahan.

"Hantar anak ke tadika bukanlah satu usaha mengelak diri dari beban jaga anak, tapi membantu anak lebih bijak bila masuk alam sekolah.

"Tapi ada segelintir ibu bapa risau hantar anak ke tadika lebih awal sebab takut terpengaruh dengan pelbagai perkara tak elok di luar," katanya.